

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PUSAT JAGAAN LANJUTAN JALAN SYERS
Lokasi : JALAN SYERS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 15-05-1991

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya melakukan upacara perasmian Pusat Jagaan Lanjutan Jalan Syers ini.

2. Objektif utama Pusat ini adalah untuk membantu bekas- bekas penagih supaya dapat menyesuaikan diri mereka semula ke dalam masyarakat serta menjauhkan diri dan bebas daripada dadah. Ini dilakukan melalui pelbagai program dan aktiviti yang disediakan dalam suasana yang lebih terbuka, dan program-program ini memerlukan sumbangan anggota masyarakat secara kolektif dan bersepadu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Seajar dengan konsep dan objektif penubuhannya, Pusat Jagaan Lanjutan ini telah memainkan peranan yang besar dan berkesan dalam memberi pertolongan dan bimbingan lanjutan kepada pelatih-pelatih yang telah menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti, terutama daripada segi persiapan dan persediaan sebelum kembali ke pangkuan keluarga dan masyarakat. Namun begitu, saya telah dimaklumkan bahawa pelatih-pelatih pada peringkat ini mengalami suatu keadaan atau dilema akibat daripada kurangnya penerimaan dan kepercayaan terhadap mereka, di samping masalah stigma sosial yang masih menebal. Walaupun usaha-usaha dan langkah-langkah terus diambil oleh Pusat Jagaan Lanjutan untuk membantu proses penyesuaian dan integrasi sosial mereka ke dalam masyarakat, namun strategi ini masih belum membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Keadaan ini adalah kerana kurangnya penglibatan dan komitmen keluarga serta sambutan dan sokongan daripada masyarakat secara keseluruhannya.

4. Seperti yang kita sedia maklum, kadangkala masalah penagihan dadah ini berpunca daripada perpecahan dalam sesebuah keluarga, yang kemudiannya meresap dan menjalar dalam masyarakat sehingga menjadi gejala sosial. Oleh itu, sudah sewajarnya institusi kekeluargaan dan masyarakat terlibat dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam mencegah dan membanteras dadah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Sikap negatif ternyata telah memberatkan lagi masalah yang dialami oleh kebanyakan bekas-bekas penagih dadah.

Dalam perkara seperti ini, pihak keluarga sewajarnya memainkan peranan dengan menunjukkan sikap mengambil berat dan prihatin. Mereka juga harus menerima dan terus memberikan sokongan serta kerjasama terhadap perancangan pemulihan lanjut, yang akan dilaksanakan. Malah perlu sentiasa memberi dorongan dan galakan yang mencukupi dan yang penting ialah, perhatian serta kasih sayang kepada mereka.

6. Dalam menghadapi dan memerangi masalah dadah ini, negara kita telah mewujudkan dan menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang paling unik di dunia. Sehingga kini sebanyak 18 buah Pusat Serenti telahpun beroperasi sepenuhnya.

7. Kebanyakan negara di dunia ini mengiktiraf dan mengkagumi sistem pemulihan yang dijalankan di Malaysia sehingga menarik perhatian dan minat mereka mempelajari sistem kita ini. Negara kita adalah satu-satunya negara di dunia yang menyediakan program pemulihan secara komprehensif dengan

menggunakan pendekatan multi-disciplinary yang menggabungkan disiplin dan input-input pemulihan secara bersepadu.

8. Saya juga dimaklumkan bahawa sehingga kini sebanyak 36 buah Pusat Jagaan Lanjutan di seluruh negara telah beroperasi. Jumlah ini akan meningkat kepada 82 buah pada tahun 1992, sejajar dengan usaha untuk mewujudkan sekurang- kurangnya sebuah pusat jagaan lanjutan di setiap daerah.

Penubuhan Pusat-Pusat Jagaan Lanjutan ini, sudah pasti akan memudahkan masyarakat terutamanya Ahli Jawatankuasa Pemulihan Dadah, Ahli Biro Jagaan Lanjutan PEMADAM, para ibubapa, para sukarelawan, agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan sukarela setempat untuk berkhidmat dan membantu secara sukarela bekas-bekas penagih ini untuk memulakan satu kehidupan semula secara normal dalam masyarakat. Khidmat seumpama ini haruslah dipertingkatkan dan disusun secara teratur bagi mengelakkan pertindihan dan konflik peranan.

9. Saya berharap dan menyeru supaya lebih ramai golongan dan pihak dalam masyarakat tampil untuk memberi sokongan dan kerjasama padu bagi menjayakan program ini. Kita perlu mengikis sikap tidak ambil peduli semata-mata kerana masalah ini tidak menimpa kita atau keluarga kita. Sebaliknya, kita harus sedar dan insaf bahawa gejala penagihan dan perangkap dadah tidak mengenal dan memilih mangsanya. Hari ini mungkin anak orang lain yang terkena, tetapi kita tidak tahu mungkin esok atau lusa anak atau keluarga kita sendiri yang terlibat. Oleh itu, marilah kita bersama-sama melibatkan diri dan menawarkan bakti untuk membantu dan menyokong usaha-usaha yang sedang dibuat bagi menyelamatkan anak-anak muda kita daripada terus menjadi mangsa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Akhir sekali, bersesuaian dengan perasmian Pusat Jagaan Lanjutan Jalan Syers ini, marilah kita berikrar untuk terus meningkatkan usaha membantu Kerajaan dengan cara yang kita mampu bagi mencapai hasrat yang kita semua idam-idamkan.

Saya yakin berkat kerjasama dan dengan izin Allah s.w.t.

insya-Allah negara kita akan bebas daripada ancaman dadah.

11. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pusat Jagaan Lanjutan Jalan Syers, Kuala Lumpur.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.